

25 MAR 2002

Cuepacs-SSB/I

SISTEM GAJI MATRIKS MUNGKIN DITERUSKAN, DENGAN PINDAAN

IPOH, 25 Mac (Bernama) -- Tuntutan Cuepacs supaya sistem gaji matriks dimansuhkan mungkin tidan berhasil tetapi kongres itu yakin kajian semula Sistem Saraan Baru (SSB) akan membawa kegembiraan kepada kira-kira sejuta anggota perkhidmatan awam di negara ini.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk N. Siva Subramaniam berkata Jabatan Perkhidmatan Awam tidak bersetuju dengan cadangan pemansuhan skim gaji tiga peringkat itu tetapi ia bersedia untuk melakukan penambahbaikan dan mengurangkan apa-apa kelemahannya.

"Kami mahu sistem matriks itu dimansuhkan sama-sekali kerana ia menimbulkan begitu banyak kekeliruan dan rasa tidak puas hati di kalangan anggota perkhidmatan awam. Tetapi kerajaan nampaknya tidak bersedia untuk menerima permintaan kami itu," katanya kepada pemberita selepas menutup satu seminar keibu-bapaan di sini semalam.

Bagaimanapun Siva berkata Cuepacs akan terus membawa perkara itu pada perbincangannya dengan JPA sebelum Kerajaan membuat keputusan muktamad mengenai kedudukan SSB.

Minggu lepas Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman berkata JPA akan mengemukakan laporan kajian semula SSB kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas jabatan itu dan Cuepacs memperhalusinya.

Dr Mahathir telah mengarahkan supaya JPA mengkaji beberapa perkara dalam laporan awal yang dikemukakan kepada beliau kerana ia akan membabitkan anggaran perbelanjaan tambahan RM1 bilion.

Cuepacs telah meminta kerajaan menghapuskan SSB kerana wujudnya faktor yang disifatkannya sebagai anomali dalam sistem itu. Ia berpendapat sistem gaji matriks sudah ketinggalan zaman dan mahu dilaksanakan sistem satu peringkat yang memberi penekanan kepada antara lain, kecekapan dan produktiviti pekerja.

Siva berkata berdasarkan perbincangan yang telah diadakan dengan JPA, Cuepacs yakin kajian semula itu akan membuka peluang yang lebih baik kepada anggota perkhidmatan awam daripada segi lebih banyak kenaikan pangkat dan pelarasan gaji.

"Kami gembira dengan hasil yang dicapai pada perbincangan kami dengan JPA sehingga ini. Masalahnya ialah dengan kos yang tinggi kerana kerajaan tidak mahu dibebankan dengan implikasi kewangan," katanya.

Beliau berkata anggota gabungan Cuepacs sudah diminta memberi maklumat balas mengenai kajian semula itu dan beliau yakin segalanya akan diselesaikan menjelang akhir tahun ini.

Siva, yang juga Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), turut menggesa Kementerian Pendidikan supaya lebih fleksibel dalam memberi kebenaran kepada guru yang mahu bersara secara pilihan.

"Banyak guru mahu bersara awal kerana pelbagai alasan tetapi mereka tidak memperoleh kebenaran daripada kementerian. Tidak ada gunanya menahan guru yang tidak lagi berminat untuk mengajar atau yang mahu menyertai sektor swasta," kata beliau.

Pada masa ini, permohonan berkenaan diteliti mengikut kes demi kes, dan dalam sesetengah hal, kementerian itu turut menolak permohonan daripada guru yang mempunyai perakuan daripada doktor.

"Alasan pihak kementerian ialah perkhidmatan ini perkhidmatan perlu. Tetapi terdapat banyak lagi orang yang berminat untuk menjadi guru sekarang," katanya.

Siva berharap kementerian akan memberi pertimbangan kepada rayuan itu kerana ia akan memberi manfaat kepada guru dalam perkhidmatan itu yang berjumlah hampir 300,000 orang.

-- BERNAMA

AR AR AAM NMO